

Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Kehidupan yang Berlimpah-limpah

Pada permulaan tahun yang baru ini, saya mencabar Orang-orang Suci di merata-rata tempat untuk mengerjakan satu usaha yang peribadi, yang gigih, dan yang utama yang saya panggil kehidupan yang berlimpah-limpah dengan kejayaan, kebaikan, dan berkat. Seperti dasar-dasar yang kita pelajari dalam sekolah, saya memberikan anda asas-asas yang dasar untuk menolong kita semua memperolehi kehidupan yang berlimpah-limpah.

Memperolehi Sikap yang Positif

Perkara pertama pada senarai asas-asas saya adalah sikap. William James, seorang orang Amerika dan peneroka dalam bidang psikologi dan falsafah, menulis, “Revolusi yang paling besar pada generasi kita adalah penemuan bahawa manusia, jika mengubah sikap mereka, boleh mengubah aspek luaran mereka.”¹

Banyak perkara dalam hidup bergantung pada sikap kita. Cara kita memilih untuk memandang dan bertindak terhadap perkara-perkara ini boleh menjadikan semua perbezaan. Jika kita bekerja dengan sedaya upaya dan memilih untuk menjadi gembira tentang apa-apa pun keadaan kita, kita akan menerima kedamaian dan kepuasan hati.

Charles Swindoll—pengarang, pendidik, dan paderi

Kristian—berkata: “Pada pendapat saya, sikap adalah lebih penting dari . . . masa lepas, . . . lebih penting dari wang, lebih penting dari keadaan, kegagalan, kejayaan, dan apa yang difikir atau dikatakan oleh orang lain. Ia lebih penting dari wajah, bakat, atau kemahiran. Ia akan menjayakan atau menjatuhkan satu syarikat, satu gereja, atau satu keluarga. Perkara yang istimewa adalah bahawa kita mempunyai pilihan setiap hari mengenai sikap kita terhadap hari itu.”²

Kita tidak boleh mengarahkan angin, tetapi kita boleh mengubah suai layar. Demi kegembiraan, kedamaian, dan kepuasan hati yang maksimum, semoga kita *memilih* satu sikap yang positif.

Percaya dalam Diri Sendiri

Kedua, percaya dalam diri sendiri, dalam mereka yang di sekeliling anda, dan dalam asas-asas abadi.

Jujur dengan diri sendiri, dengan orang lain, dan dengan Bapa Syurgawi anda. Menurut Shakespeare, seorang yang tidak jujur dengan Tuhan sehingga terlalu lambat adalah Cardinal Wolsey, yang melayani tiga orang raja dan menikmati kekayaan dan kuasa buat masa yang panjang. Akhirnya, dia dipotong dari kuasa dan kekayaannya oleh seorang raja yang kurang sabar. Cardinal Wolsey menyeru:

*Jika saya melayani Tuhan saya dengan setengah semangat,
Saya melayani raja saya, Dia tidak akan meninggalkan saya
kepada musuh-musuh saya pada masa tua saya.*³

Thomas Fuller, seorang paderi dan sejarawan yang hidup pada abad 17-an, menuliskan kebenaran ini: “Seorang yang tidak hidup selaras dengan kepercayaannya tidak benar-benarnya percaya.”⁴

Jangan hadkan diri sendiri dan jangan biarkan orang lain meyakinkan anda bahawa anda adalah terhad dalam perkara yang anda boleh lakukan. Percaya dalam diri sendiri dan kemudian hidup untuk mencapai kemungkinan anda.

Anda boleh mencapai apa-apa pun yang anda percaya anda boleh capai. Berkeyakinan dan percaya dan beriman.

Menemui Cabaran dengan Keberanian

Keberanian menjadi satu hemah yang bermanfaat dan bererti apabila ia bukan tentang kerelaan untuk mati dengan gagah tetapi tentang satu tekad untuk hidup dengan tertib.

Seorang penulis dan penyair orang Amerika Ralph Waldo Emerson berkata: “Anda perlukan keberanian untuk semua perkara yang anda lakukan. Apa-apa pun jalan yang anda tekad menurut, tentunya ada orang yang akan memberitahu anda bahawa anda salah untuk memilih jalan itu. Akan ada kesukaran yang muncul yang akan menggoda anda untuk mempercayai bahawa pengkritik-pengkritik anda adalah betul. Untuk memetakan perjalanan tindakan dan mengikut peta itu sehingga ketamatan memerlukan keberanian seperti seorang askar. Kedamaian akan menang, tetapi ia memerlukan lelaki dan perempuan yang berani untuk mencapai kemenangan itu.”⁵

Akan ada masa bila anda merasa takut dan tawar hati. Mungkin anda merasa bahawa anda sudah dikalahkan. Peluang untuk mencapai kemenangan boleh nampaknya terlalu susah. Ada masanya anda mungkin merasa seperti Daub cuba untuk menentang Goliat. Tetapi ingatlah—Daud *mengalahkan* Goliat!

Keberanian diperlukan untuk mendorong seseorang ke arah matlamatnya, tetapi keberanian yang lebih

besar diperlukan bila seseorang tersandung dan mesti buat usaha kedua untuk mencapai matlamat itu.

Berazam untuk melakukan usaha itu, berfokus untuk berusaha terhadap satu matlamat yang layak, dan keberanian yang diperlukan untuk menemui cabaran akan datang tetapi keberanian untuk berusaha buat kali kedua juga akan datang, jika diperlukan. “Kadang kala keberanian adalah bisikan pada ketamatan hari yang berkata, ‘Saya akan cuba lagi hari besok.’”⁶

Semoga kita ingati bahawa asas-asas ini semasa kita memulakan perjalanan kita terhadap satu tahun yang baru, memupuk sikap yang positif, satu kepercayaan bahawa kita boleh mencapai matlamat dan resolusi kita, dan keberanian untuk menghadapi cabaran yang akan kita tempuhi. Dengan demikian, kita akan mencapai hidup yang berlimpah-limpah.

CATATAN-CATATAN

1. William James, dalam Lloyd Albert Johnson, comp., *A Toolbox for Humanity: More Than 9000 Years of Thought* (2003), 127.
2. Charles Swindoll, dalam Daniel H. Johnston, *Lessons for Living* (2001), 29.
3. William Shakespeare, *King Henry the Eighth*, babak 3, adegan 2, barisan 456–58.
4. Thomas Fuller, in H. L. Mencken, ed., *A New Dictionary of Quotations* (1942), 96.
5. Ralph Waldo Emerson, dalam Roy B. Zuck, *The Speaker's Quote Book* (2009), 113.
6. Mary Anne Radmacher, *Courage Doesn't Always Roar* (2009).

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Bertimbang untuk menjemput ahli-ahli keluarga untuk mengongsikan pengalaman peribadi tentang masa bila sikap positif, kepercayaan dalam diri sendiri, atau keberanian yang sudah menolong mereka. Atau menjemput mereka untuk mencarikan contoh-contoh ketiga-tiga asas-asas ini dalam kitab suci. Anda boleh bersedia untuk mengajar dengan memikirkan kitab-kitab suci atau pengalaman diri sendiri dengan berdoa.

REMAJA

Keberanian untuk Menahan Taufan oleh Maddison Morley

Pada malam kedua kem pancang Remaja Puteri saya, kami mengalami satu ribut hujan dan tornado yang hebat. Agak-agak ada 24 orang remaja puteri dan dua orang pemimpin dari bahagian saya yang menghadiri kem itu, dan kami semua masuk ke dalam satu kabin

yang kecil untuk perlindungan. Hujan jatuh dengan hebat, dan angin bertiup-tiup juga. Saya terus mengingatkan diri sendiri tentang doa demi keselamatan yang diberikan oleh presiden pancang sebelum itu. Bahagian kami juga mengucapkan doa kumpulan dalam kabin kami, dan saya mengucapkan doa peribadi saya juga.

Ada banyak orang remaja puteri yang merasa takut, dan sebabnya mudah dilihat. Kabin kami tidak tegap, dan kami berada di sebelah sebatang sungai. Ribut itu menjadi lebih teruk dalam 20 minit dan seluruh pancang kami harus lari dari kabin-kabin bahagian mereka ke kabin-kabin kaunselor mereka, yang terletak pada tanah yang lebih tinggi. Presiden pancang saya mengucapkan satu doa lagi, dan kami menyanyikan lagu rohani, lagu Sekolah Primer, dan lagu kem untuk cuba menyenangkan diri sendiri. Ya, kami memang takut, tetapi kami dapat merasa bahawa segala perkara adalah dalam keadaan baik. Setelah setengah jam, kami semua pun dapat kembali ke kabin bahagian kami.

Selepas itu, kami mengetahui tentang apa yang sudah berlaku kepada tornado itu pada malam itu. Tornado itu dipisah kepada dua ribut. Satu daripada ribut taufan itu pergi ke arah kanan kami dan yang satu lagi pergi ke arah kiri kami. Apa yang kami alami bukan ribut yang paling teruk!

Saya tahu bahawa Tuhan mendengar doa kami

pada malam itu dan Dia melindungi kami dari ribut taufan yang paling teruk. Mengapa satu tornado boleh dipisahkan kecuali jika Tuhan inginkannya? Saya tahu bahawa adanya ribut taufan dalam hidup, kita boleh berdoa kepada Bapa Syurgawi dan Dia akan mendengar dan menjawab kita, berikan kita keberanian dan perlindungan yang kita perlukan untuk menjadi selamat.

KANAK-KANAK

Kapten Moroni

Kapten Moroni mempunyai keberanian bila dia menemui cabaran. Dia sukakan kebenaran, kemerdekaan, dan iman. Dia memberikan hidupnya untuk membantu bangsa Nefi untuk menahan kemerdekaan mereka. Anda boleh menjadi seperti Kapten Moroni dengan menghadapi cabaran anda dengan keberanian. Anda juga boleh buat panji kemerdekaan anda dengan menuliskan satu senarai perkara yang penting bagi anda dan keluarga anda.

Sumber di mana anda boleh memperolehi informasi yang lebih lanjut

Alma 46:11–27: Panji kemerdekaan

Alma 48:11–13, 16–17: mutu-mutu Moroni



Iman, Keluarga, Pertolongan

Menjaga dan Melayan melalui Pengajaran Berkunjung

Pelajarilah pesanan ini dan, sebagaimana sesuai, berbicara mengenainya dengan saudari-saudari yang anda kunjungi. Gunakanlah soalan-soalan yang diberikan untuk menolong anda menguatkan para saudari yang anda ajar dan juga untuk membuat Lembaga Pertolongan suatu bahagian yang giat dalam kehidupan anda.

“Ihsan [bererti] lebih daripada satu perasaan murah hati sahaja,” ajar Presiden Henry B. Eyring, Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama. “Ihsan datang dari iman dalam Tuhan Yesus Kristus dan adalah satu kesan PenebusanNya.”¹ Untuk para saudari Lembaga Pertolongan, pengajaran berkunjung adalah satu tindakan ihsan, satu cara yang penting untuk melaksanakan iman kita dalam Juruselamat.

Melalui pengajaran berkunjung, kita memberikan penjagaan dengan menghubungi setiap orang saudari, mengongsikan satu pesanan injil, dan mencarikan dan mengetahui keperluannya dan keperluan keluarganya. “Pengajaran berkunjung menjadi kerja Tuhan bila kita berfokus pada orang dan bukan peratusan,” jelas Julie B. Beck, presiden umum Lembaga Pertolongan. “Dalam realiti, pengajaran berkunjung tidak tamat. Ia adalah satu cara hidup dan bukan satu tugas. Melayan sebagai seorang pengajar berkunjung dengan beriman adalah bukti penganutan kita.”²

Bila kita berikan penjagaan yang konsisten dan berdoa, kita belajar tentang cara untuk melayan dan menemui keperluan setiap saudari dan keluarganya. Pelayanan boleh datang dalam pelbagai bentuk—ada yang besar dan ada yang kecil.

“Biasanya, tindakan pelayanan yang kecil diperlukan untuk meningkat dan memberkat orang lain: satu soalan mengenai keluarga seseorang, kata-kata galakan, satu pujian yang ikhlas, satu nota kesyukuran, satu panggilan telefon yang ringkas,” ajar Presiden Thomas S. Monson. “Jika kita tajam daya pemerhatian dan sedar, dan jika kita bertindak ke atas perasaan yang datang kepada kita, kita boleh mencapai banyak kebaikan. . . . Tindakan pelayanan yang tak terbilang sudah diberikan oleh tentera besar pengajar berkunjung Lembaga Pertolongan.”³

Dari Sejarah Kita

Pada tahun 1843, ahli-ahli Gereja di Nauvoo, Illinois dipisahkan kepada empat bahagian. Pada bulan Julai tahun itu, para pemimpin Lembaga Pertolongan menubuhkan satu jawatankuasa yang mengandungi empat orang saudari untuk setiap bahagian. Tanggungjawab jawatankuasa pengajaran berkunjung termasuk menaksirkan keperluan dan mengumpulkan dermaan. Lembaga Pertolongan menggunakan dermaan itu untuk orang yang berkeperluan.⁴

Sekarang para pengajar berkunjung tidak lagi mengumpulkan dermaan, mereka masih bertanggungjawab untuk menaksirkan keperluan—rohani dan keperluan

jasmani—dan bekerja untuk menemui keperluan-keperluan itu. Eliza R. Snow (1804–87), presiden umum Lembaga Pertolongan kedua, menjelaskan: “Seorang pengajar . . . harus memiliki Roh Tuhan, dan bila dia memasuki satu rumah, dia mengenali roh yang dia temui dalam rumah itu. . . . Merayu kepada Tuhan dan Roh Kudus untuk memperoleh {Roh} supaya anda dapat menemui roh yang berada dalam rumah itu . . . dan anda boleh mengucapkan kata-kata yang damai dan yang menyenangkan, dan jika anda menemui seorang saudari yang merasa sejuk, bawalah dia ke hati anda seperti anda memegang seorang kanak-kanak ke dadamu dan memanaskannya.”⁵

CATATAN-CATATAN

1. Henry B. Eyring, “Warisan Lembaga Pertolongan yang Bertahan Lama,” *Liahona*, Nov. 2009, 124–25.
2. Julie B. Beck, “Lembaga Pertolongan: Suatu Perkerjaan yang Suci,” *Liahona*, Nov. 2009, 111.
3. Thomas S. Monson, “Three Goals to Guide You,” *Liahona*, Nov. 2007, 120–21.
4. Lihat *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 105.
5. Eliza R. Snow, in *Daughters in My Kingdom*, 108.

Dari Tulisan Suci

Yohanes 13:15, 34–35; 21:15; Mosia 2:17; Ajaran dan Perjanjian 81:5; Musa 1:39

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Apa yang saya lakukan sekarang untuk menolong saudara-saudari saya untuk merasa bahawa saya seorang sahabat yang menyayang dan mengambil berat tentang mereka?

2. Bagaimana saya boleh menjadi lebih baik dalam penjagaan kepada orang lain?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.